

Kerajaan sedia tambah anggota polis: Abdullah

BH 27 MAR 2002

BENTONG, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan sedia menimbang menambah anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi meningkatkan kecekapan pasukan itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, malah perkara itu akan dimasukkan dalam Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan Oktober depan.

"Kerajaan bersedia menimbang menambah anggota polis," katanya selepas menghadiri majlis jamuan tengah hari bersama pemimpin masyarakat Cina Bentong di sini, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri mengulas kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai semalam bahawa polis memerlukan 23,000 anggota tambahan atau 25 peratus daripada kekuatannya sekarang bagi menampung keperluan semasa, selaras pertumbuhan penduduk.

Ketika ini, polis mempunyai kira-kira 84,000 anggota, kekuatan berdasarkan jumlah penduduk negara ini 10 tahun lalu iaitu 18.3 juta orang.

Norian dilaporkan berkata, pertumbuhan anggota diperlukan bagi menampung kekurangan, khususnya pegawai penyiasat di Jabatan Siasatan Jenayah dan Jenayah Perdagangan.

Abdullah berkata, polis akan membuat cadangan khusus bagaimana penambahan anggota itu boleh dilaksanakan, sekali gus

memudahkan untuk dimasukkan dalam bahagian PDRM bagi Belanjawan 2003.

Timbalan Perdana Menteri juga mengaku banyak masalah yang timbul kebelakangan ini disebabkan kekurangan anggota polis.

"Itu memang betul, jumlah penduduk pun bertambah dengan begitu cepat. Tetapi kita mahu polis dibekalkan alat yang baik, canggih dan terkini bagi menjalankan tugas masing-masing.

"Umpamanya hal berkaitan kemalangan di jalan raya, nak buat laporan mengenainya dan saman trafik...ini memerlukan kerja cepat. Sekarang di balai-balai polis, kita bekalkan komputer dan dengan itu, kerja boleh dibuat dengan cepat," katanya.

Sementara itu di PUTRAJAYA, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman, berkata permintaan PDRM menambah anggota berikutan pertumbuhan penduduk itu perlu dikaji terlebih dulu.

"Kita perlu kaji dulu, kalau ada keperluan, saya percaya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan menimbangkannya," katanya selepas Majlis Menandatangani Surat Akujanji Bahagian Keselamatan Negara (BKN) di Bangunan Perdana Putra di sini, petang ini.

Hadir sama Ketua Pengarah BKN, Datuk Jaafar Ismail.

Sementara itu, mengenai kenyataan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N Siva Subramaniam yang kesal kertas cadangan kajian semula Sistem Saraan Baru (SSB) yang menjalani pembaikan kali kedua tidak menghapuskan sistem matriks, sebaliknya hanya membaiki kelemahan yang ada, Samsuddin berkata, kertas cadangan berkenaan masih dalam pembaikan.

"Saya enggan mengulas mengenainya kerana ia masih dalam pertimbangan. Kertas cadangan yang dalam pembaikan kali kedua itu dijangka siap dalam satu atau dua bulan lagi.

"Kertas cadangan ini belum diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Caji Sektor Awam. Oleh itu, sukar untuk saya memberlkan ulasan," katanya.